


**SINAR HARIAN**  
**26 JULAI 2016 (SELASA)**  
**(m/s 12)**

↑ [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)

# **5 PALING HANGAT**

## **PILIHAN PEMBACA SINAR ONLINE!**

# 5



### **NETIZEN: KASIHANILAH KAMI WAHAI PTPTN!**

RAMAI mengeluh sebaik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional mengumumkan mengkaji pendekatan sesuai potongan gaji bagi pembayaran balik pinjaman pendidikan dalam kalangan pekerja sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Tinjauan *Sinar Online* mendapati, netizen khusus sektor swasta melahirkan kebimbangan terhadap potongan gaji bakal dikenakan.



## **MAKLUMBALAS : KENYATAAN NETIZEN SIARAN SINAR HARIAN BERKAITAN POTONGAN GAJI**

Kenyataan netizen yang disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian pada Selasa 26 Julai 2016 adalah dirujuk.

Peminjam PTPTN yang bekerja di sektor swasta atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tidak perlu risau dengan pelaksanaan potongan gaji bagi pembayaran balik pembiayaan PTPTN. Ini kerana kemudahan potongan gaji bagi bayaran balik pembiayaan PTPTN disediakan bertujuan untuk:

- i. Memudahkan peminjam membuat bayaran balik pembiayaan secara konsisten tanpa sebarang tunggakan ansuran bulanan;
- ii. Membantu peminjam menyelesaikan hutang pembiayaan pendidikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan;
- iii. Kemudahan ini tidak dikenakan sebarang caj/ komisen berbanding bayaran yang dibuat melalui kaunter bank atau perbankan internet yang dikenakan caj/ komisen oleh pihak bank.

Bayaran balik melalui potongan gaji ini juga bukanlah sesuatu yang akan membebankan peminjam kerana sebarang potongan gaji yang dibuat masih mengambilkira pendapatan serta kemampuan peminjam dan dilaksanakan dengan persetujuan peminjam. Bagi peminjam yang mempunyai kekangan untuk melaksanakan bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan, PTPTN amat menggalakkan agar segera membuat rundingan melalui *Careline* PTPTN atau hadir ke mana-mana pejabat/cawangan PTPTN yang berhampiran. Info lanjut layari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**Rina Abd Rahman**

Pegawai Perhubungan Awam

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional